

SYARAT-SYARAT KELULUSAN AKTIVITI TAMBAH NILAI (PEMASARAN – IPC & PENGAGIHAN – RDC)

1. Aktiviti pengilangan seperti yang diluluskan di dalam Lesen Pengilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dan Lesen GPB di bawah Seksyen 65A Akta Kastam 1967 tidak boleh dihentikan.
2. Syarikat hendaklah;
 - 2.1 membuat pengasingan dari segi operasi / peralatan / kemudahan / mesin di antara aktiviti pengilangan dengan aktiviti IPC / RDC di dalam premis kilang.
 - 2.2 menyediakan akaun yang berasingan bagi aktiviti tersebut dan boleh diakses pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Kastam Negeri / Stesen Kastam yang mengawal syarikat.
 - 2.3 menyimpan barang-barang IPC / RDC secara berasingan di dalam Gudang Pengilangan Berlesen dan hendaklah ditandakan dan disusun dengan apa cara yang memuaskan sebagaimana yang diarahkan bagi keselamatan barang-barang dan untuk tujuan pemeriksaan oleh stesen pengawal.
 - 2.4 menyimpan serta mengemaskini rekod barang bagi aktiviti IPC / RDC untuk rujukan Pegawai Kanan Kastam pada bila-bila masa menggunakan format sebagaimana di Lampiran M3 – Penyata Bulanan Aktiviti IPC / RDC. Penyata yang telah disahkan oleh akauntan syarikat hendaklah dikemukakan kepada stesen pengawal pada atau sebelum 28hb. bulan berikutnya.
 - 2.5 mematuhi syarat-syarat kelulusan skim IPC / RDC oleh MIDA termasuk ketetapan kuota jualan tempatan sebanyak% dan eksport sebanyak%. Jualan melalui “dropshipment” adalah dihadkan tidak melebihi 30% daripada jumlah nilai jualan eksport IPC/ RDC.
 - 2.6 mengemukakan kepada stesen pengawal, satu penyata tahunan yang telah diaudit oleh audit bebas. Penyata tersebut hendaklah mengandungi butir-butir mengenai baki dibawa ke hadapan, jumlah dibawa masuk, jumlah yang dieksport semula dan baki dalam simpanan.
 - 2.7 bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kemasukan, penyimpanan dan pengeksportan serta penjualan barang IPC / RDC berkenaan. Bil Tuntutan akan dikeluarkan bagi menuntut duti dan cukai yang terlibat ke atas kehilangan / kekurangan barang (*lost/unaccounted/deficient in quantity*).
 - 2.8 mengemukakan jaminan bank / bon am sebanyak RM..... kepada stesen pengawal untuk menjamin keselamatan duti / cukai barang-barang yang disimpan dalam gudang pengilangan berlesen. Bagaimanapun, sekiranya jaminan bank yang sedia ada telah mencukupi maka jaminan bank tambahan tidak diperlukan lagi.
3. Aktiviti IPC / RDC hendaklah dikendalikan oleh GPB sahaja dan tidak boleh dilakukan oleh syarikat lain di dalam kawasan GPB.
4. Jumlah jualan barang ke pasaran tempatan di bawah kemudahan IPC / RDC hendaklah tidak melebihi kuota jualan tempatan
5. Pengecualian ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa tertakluk kepada dasar dan perundangan semasa. Jika duti / cukai berkenaan dikehendaki dibayar semula, maka semua duti / cukai yang telah dikecualikan hendaklah dibayar dalam masa 30 hari dari tarikh surat pemansuhan, pembatalan atau penarikan balik pengecualian.
6. Syarikat hendaklah mematuhi syarat / peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam dan undang-undang serta peraturan lain yang berkuat kuasa di Malaysia.
7. Syarat-syarat di atas boleh dipinda, ditambah dan diubahsuai dari semasa ke semasa jika didapati perlu.